

PM-BANK

1983

KUALA LUMPUR, 3 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN GEJALA +MENCURI+ KAKITANGAN DI KALANGAN SEKTOR SWASTA DI NEGARA INI TERMASUK BANK-BANK AKAN DIKURANGKAN DAN KEMUDIAN DIHENTIKAN SAMA SEKALI.

PERDANA MENTERI BERKATA KESAN +MENCURI+ (PINCHING) OLEH SESEBUAH BANK AKAN SESEORANG PEGAWAI BANK LAIN DENGAN MENAWARKAN GAJI DAN KEMUDAHAN YANG LEBIH LUMAYAN TIDAK LAGI ASING DI NEGARA INI.

"GEJALA INI, WALAUPUN SEKARANG TIDAK SEBEGITU TERUK SEPerti BEBERAPA DAHULU, TETAPI IA MASIH BERLAKU," TAMBAH BELIAU SEMASA MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN MALAYAN BANKING DI BUKIT MAHKAMAH DI SINI.

BELIAU BERKATA DI NEGARA INI PADA UMUMNYA SIFAT DEDIKASI PARA PEKERJA, TERMASUK PARA PEGAWAI PENGURUSAN INSTITUSI KEWANGAN DAN BANK-BANK PERDAGANGAN TIDAK BEGITU KUAT.

GEJALA BERPINDAH TEMPAT KERJA DARI SATU INSTITUSI KE SATU INSTITUSI MASIH LAGI LUMRAH.

"KADANG-KADANG SESEORANG PEGAWAI HANYA LEKA MENCARI-CARI PELUANG JAWATAN BARU YANG MENAWARKAN GAJI YANG LEBIH LUMAYAN DI TEMPAT LAIN."

-- LAGI 1811/LK

ZCZC B614:

PM-BANK 2 KUALA LUMPUR

"SAYA BERHARAP SEGALA GEJALA MENCURI KAKITANGAN DARIPADA BANK-BANK LAIN AKAN DIKURANGKAN DAN KEMUDIAN DIBERHENTIKAN SAMA SEKALI," TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN BANK-BANK BAHAWA KAKITANGAN YANG CEKAP DAN BERDEDIKASI MESTILAH DILAYAN SECARA ADIL DAN MENGGALAK SERTA DIBERI PELUANG NAIK PANGKAT DAN PENDAPATAN DENGAN SECUKUPNYA.

"ADALAH LEBIH UNTUNG MELAYAN KAKITANGAN SENDIRI YANG LAYAK DARI MENAWAR UPAHAAN YANG TINGGI KEPADA ORANG YANG TIDAK SETIA DARI INSTITUSI LAIN. JIKA MEREKA TIDAK SETIA KEPADA MAJIKAN ASAL MEREKA, MEREKA JUGA TIDAK AKAN SETIA KEPADA KITA."

BELIAU BIMBANG JIKA GEJALA MENCURI ITU DIBIARKAN BERLELUASA, PEKERJA TIDAK DAPAT MENGUMPUL PENGALAMAN YANG PERLU DI SESUATU BANK KERANA PENGELAMAN MERUPAKAN CARA BERKESAN SEKALI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN MUTU KERJA YANG KELAK AKAN MENGUNTINGKAN MAJIKAN DAN PEKERJA ITU SENDIRI.

SEBALIKNYA, PEMINDAHAN PEGAWAI YANG TERLATIH MERUPAKAN SATU KERUGIAN BAGI KEDUA PIHAK KERANA GEJALA MENCURI ITU AKAN MENGECEWAKAN PROGRAM LATIHAN YANG DIJALANKAN OLEH SESEBUAH BANK.

KATANYA APABILA SESEBUAH BANK MENJALANKAN PROGRAM LATIHANNYA HARAPANNYA ADALAH BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN MUTU PEKERJA.

PM-BANK 3 KUALA LUMPUR

TETAPI MENURUT PERDANA MENTERI, APABILA PEGAWAI YANG TERLATIH MELETAKKAN JAWATAN KERANA DITAWAR DENGAN GAJI YANG LEBIH OLEH BANK LAIN, MAKA BANK ASAL TADI TERPAKSA MELATIH PEGAWAI LAIN DAN INI MELIBATKAN KOS TANPA FAEDAH YANG SEPATUTNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BIMBANG JIKA AMALAN INI BERTERUSAN, IA AKAN MENUMPULKAN MINAT SESEBUAH BANK UNTUK MENGENDALIKAN LATIHAN BAGI KAKITANGANNYA.

"GEJALA MENCURI INI AKAN BERTERUSAN SELAGI TERDAPAT BANK-BANK YANG INGIN MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN MUTU PENGURUSANNYA MELALUI CARA YANG MUDAH DAN TIDAK ETIKAL."

BELIAU SEBALIKNYA MEMINTA SEMUA BANK MENINGKATKAN PROGRAM LATIHAN MASING-MASING SEMOGA TARAF PROFESIONALISME KAKITANGAN AKAN TERUS MENINGKAT.

USAHA KE ARAH MENINGKATKAN PROFESIONALISME KAKITANGAN SISTEM BANK SELURUHNYA BUKAN SAHAJA MEMBAWA KEUNTUNGAN KEPADA BANK-BANK MALAHAN KEUNTUNGAN DAN KESEJAHTERAAN KEPADA NEGARA JUGA.

BELIAU LALU MENEKANKAN KECEKAPAN PENGURUSAN DAN TEKNOLOGI PENGELUARAN BOLEH KEMAINKAN PERANAN DALAM MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN, PERKARA TERPENTING DAN BERKESAN SEKALI IALAH KERAJINAN, KETEKUNAN DAN DISIPLIN TINGGI.

"KESEMUA INI BELUM MENCAPAI TAHAP YANG TINGGI DI MALAYSIA DAN SEKARANGLAH MASANYA KITA HARUS MEMULAKAN TINDAKAN DAN USAHA BAGI MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN," TAMBAH BELIAU.

-- LAGI 1821/LK

ZCZC 8616:

PM-BANK 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN BARU, PERDANA MENTERI BERHARAP BANGUNAN-BANGUNAN BARU AKAN DIREKA DENGAN SEMANGAT INGIN MELAMBANGKAN IDENTITI SENIBINA NEGARA YANG TERSENDIRI YANG MENGGAMBARAKAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SESUATU BANGSA.

"PELAWAT KE KUALA LUMPUR MESTILAH SEDAR DAN INGAT AKAN KUALA LUMPUR WALAUPUN IA MEMBUAT LAWATAN KE SINI SEKALI SAHAJA. BANGUNAN SEKRETARIAT ATAU BANGUNAN SULTAN SAMAD YANG DAHULUNYA MELAMBANGKAN KUALA LUMPUR SUDAH TENGGELAM DALAM BANJIR PENCAKAR LANGIT."

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT DALAM USAHA MENERAP CIRI-CIRI SENI BINAAN MALAYSIA BAGI BANGUNAN-BANGUNAN INI, TIDAK PERLU MEMBELANJAKAN BANYAK WANG ATAU MENGURANGKAN KEGUNAAN HANYA UNTUK MENERAPKAN CIRI-CIRI ITU.

"APA YANG SAYA MAKSUDKAN IALAH MENERAPKAN NILAI INI DENGAN KOS YANG BERPATUTAN."

BELIAU BANGGA KERANA PARA ARKITEK TEMPATAN TIDAK LAGI MEMANDANG SINI AKAN SYOR MENGADAKAN IDENTITI SENIBINAAN NEGARA TETAPI SEBALIKNYA TELAH MENERIMA DAN MEMBINCANG CARA-CARA IDENTITI ITU BOLEH DIPERKENALKAN.

-- LAGI 1830/LK

PM-BANK 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU PENERUS MERANGKAP KETUA EKSEKUTIF BANK TERSEBUT DATUK JAFFAR HUSSEIN BERKATA DENGAN TERBINANYA BANGUNAN IBUPEJABAT ITU, MALAYAN BANKING TURUT SAMA MENYUMBANG KEPADA PERUBAHAN RUPA BENTUK BANDARAYA KUALA LUMPUR.

BERBENTUK KERIS, SENJATA TRADISIONAL WARISAN KEBUDAYAAN SILAM, BANGUNAN ITU MERUPAKAN SATU KESEDIAAN UNTUK MENGHADAPI SEGALA CABARAN MASA HADAPAN, KATANYA.

IA JUGA MELAMBANGKAN ASPIRASI SEBUAH NEGARA PESAT MEMBANGUN SEPerti MALAYSIA DAN MALAYAN BANKING SENDIRI SEBAGAI SEBUAH BANKNYA YANG UTAMA, TAMBAH BELIAU.

BANGUNAN BARU IBUPEJABAT BANK TERSEBUT SETINGGI 58 TINGKAT ITU AKAN DIBINA DIATAS TAPAK SELUAS 189,000 METER PERSEGI -- 13 TINGKAT UNTUK KEGUNAAN BANK DAN 30 TINGKAT RUANG PEJABAT MODERN UNTUK DISEWA.

MENURUT DATUK JAAFAR SEJAK DITUBUHKAN 23 TAHUN LALU, BANK TERSEBUT KINI MEMPUNYAI 173 CAWANGAN DI DALAM DAN LUAR NEGERI. MODAL YANG DIBAYAR IALAH \$180 JUTA DARIPADA \$500 JUTA YANG DIBENARKAN SEMENTARA JUMLAH HARTA BERNILAI LEBIH \$14,000 JUTA.

-- BERNAMA 1833/LK